

19 APR 1997

Mahathir-Pembangunan (Bergambar)

PEMBANGUNAN YANG DIRANCANG UNTUK MANFAAT RAKYAT

ALOR SETAR, 19 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengulangi bahawa pembangunan yang dirancang oleh kerajaan semata-mata untuk memajukan negara dan memanfaatkan rakyat.

"Rakyat tidak harus menolak pembangunan tetapi mereka perlu belajar dan bersedia menerima perubahan agar dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran masing-masing.

"Kerajaan tidak ada niat lain melainkan hendak menolong rakyat menyesuaikan diri dengan kehidupan zaman moden sekarang ... dahulu kita buat cara dahulu tetapi sekarang kita hidup cara baru," katanya ketika berucap pada majlis bersama rakyat di tapak penempatan semula nelayan di Kuala Kedah, dekat sini.

Terdahulu itu, Perdana Menteri diberi taklimat mengenai rancangan kerajaan negeri untuk membangunkan kawasan Kuala Kedah sebagai sebuah bandar baru dan membina rumah pangsa untuk menempatkan lebih 600 keluarga nelayan yang terlibat dalam program pembangunan itu.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak mahu melihat rakyat terus hidup dalam kepayahan dan tinggal di rumah setinggan.

Katanya, kehidupan di setinggan tidak selesa dan tidak mencerminkan keadaan negara yang sudah mencapai kemajuan.

Beliau menasihati rakyat, khususnya penduduk Kuala Kedah yang terlibat dalam penempatan semula itu supaya menerima perubahan yang tidak dapat dielakkan dan bersedia melalui era baru dalam kehidupan mereka.

"Kita tidak dapat terus hidup di atas tanah percuma dalam rumah setinggan ... sampai bila kita nak hidup begini dalam keadaan yang tidak teratur dan tidak selesa."

Bagi membolehkan penduduk yang terlibat berpeluang memiliki rumah pangsa itu, Dr Mahathir berkata kerajaan negeri Kedah sedang menguruskan kaedahnya.

"Jangan kkuatir, kerajaan tidak berniat untuk menganiayai rakyat. Kalau mematuhi rancangan dan kehendak kerajaan, kita pasti dapat menyelesaikan masalah.

"Kita hendak nelayan hidup dengan lebih sempurna. Jika pendapatan mereka tidak banyak tetapi kita ada cara untuk menambah pendapatan itu," katanya.

Pembangunan kawasan perumahan nelayan itu akan melibatkan pembinaan empat blok rumah pangsa lapan tingkat, 10 blok rumah pangsa 10 tingkat dan 11 blok rumah pangsa 12 tingkat yang akan mengandungi 2,112 unit rumah di kawasan seluas 265,544.3 meter persegi di Seberang Kota, Kuala Kedah.

Kawasan perumahan itu akan dilengkapi pelbagai kemudahan, termasuk balai polis, pusat bimbingan kanak-kanak, masjid, kedai dan kawasan rekreasi.

Perdana Menteri kemudian berlepas balik ke ibu negara setelah berada di Kedah untuk menyambut Hari Raya Aidiladha sejak Khamis.

-- BERNAMA

MFJ AHH